**JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

# KENYATAAN TAWARAN TENDER PERUNDING

Tender ini terbuka kepada firma perunding tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

| BIL | BUTIR-BUTIR TENDER | SYARAT PENYERTAAN TENDER | TEMPAT, TARIKH DAN MASA TAKLIMAT TENDER | TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **No. Tender:**<br><br>JMG.SWP.TEN (S) 02/2025<br><br>**Tajuk Tender :**<br><br>Perkhidmatan Perunding Bagi Penilaian Ancaman Dan Pengurusan Bencana Geologi Aliran Puing Di Selangor Darul Ehsan | **Berdaftar dengan:**<br><br>i. Kementerian Kewangan Malaysia<br><br>ii. Lembaga Ahli Geologi Malaysia<br><br>**Kod Bidang:**<br><br>330211 - Geologi | **Tarikh :**<br><br>13 Oktober 2025 (Isnin)<br><br>**Masa :**<br><br>10.30 pagi<br><br>**Tempat :**<br><br>Bilik Mesyuarat Kuarza, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Selangor / Wilayah Persekutuan, Tingkat 7 Bangunan Darul Ehsan, No. 3 Jalan Indah Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor. | **Tarikh Tutup :**<br><br>3 November 2025 (Isnin)<br><br>**Masa :**<br><br>12.00 tengah hari<br><br>**Tempat :**<br>Unit Pentadbiran dan Kewangan<br>Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia,<br>Selangor / Wilayah Persekutuan,<br>Tingkat 7 Bangunan Darul Ehsan,<br>No. 3 Jalan Indah Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor<br>**(U.P: En Abdul Rahman bin Mohamed Sedek / Pn Nurfaten Nadia binti Zaman)** |

| | |
|---|---|
| 2 | Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan. Dokumen pelawaan diberikan secara PERCUMA melalui emel. |
| 3 | Tempat serahan dokumen adalah seperti maklumat yang dinyatakan di atas. |
| 4 | **Petender hendaklah mengguna pakai semua borang yang disediakan di dalam Dokumen Pelawaan ini. Sekiranya terdapat ruang yang disediakan di dalam borang asal tidak mencukupi, petender dibenarkan mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah sama dengan format dengan dalam borang asal. Petender perlu mengemukakan satu (1) DOKUMEN ASAL dan satu (1) DOKUMEN SALINAN cadangan tender berbentuk *hard copy* termasuk satu (1) *pendrive* yang mengandungi *soft copy* di dalam semasa mengemukakan cadangan.** |
| 5 | **Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar di bawah kod bidang 330211 sahaja.** Sila bawa bersama sijil pendaftaran asal seperti di syarat penyertaan tender berserta salinan-salinannya. (Salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan). |
| 6 | Dokumen tender yang mengandungi Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" beserta nombor dan tajuk tender di sebelah atas kiri setiap sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :<br><br>**UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN<br>JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA,<br>SELANGOR / WILAYAH PERSEKUTUAN<br>TINGKAT 6 & 7 BANGUNAN DARUL EHSAN<br>NO. 3 JALAN INDAH SEKSYEN 14<br>40000 SHAH ALAM, SELANGOR** |
| 7 | Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, perunding hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. |
| 8 | Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah tanggungjawab perunding. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Selangor/W.P. tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini. |